



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 20 OGOS 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PESAWAH CADANG NAIKKAN INSENTIF BAJAK, TUAI, DALAM NEGERI, UM -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MAHKAMAH KAJANG KELUAR WARAN KE ATAS OKS DERA ANJING HUSKY, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	KES DERA ANJING HUSKY: MAHKAMAH KELUAR WARAN TANGKAP, BULETIN TV3 -ONLINE	
4.	KES DERA ANJING: MAHKAMAH KELUAR WARAN TANGKAP, OKS TAK HADIR, MALAYSIA KINI -ONLINE	
5.	OKS DERA ANJING HUSKY GAGAL HADIR, MAHKAMAH KELUAR WARAN TANGKAP, -BERNAMA	
6.	TIADA LAMBAKAN BUAH-BUAHAN TEMPATAN DI KELANTAN - FAMA, DALAM NEGERI, UM -36	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	TIADA PILIHAN NAIKKAN UPAH MENERAT PADI, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN
8.	PELAKSANAAN BANCİ PERTANIAN 2024 DI TERENGGANU HAMPIR SELESAI, NASIONAL, BH -15	
9.	PEROLEHAN HASIL BANCİAN TINGKAT PELUANG PELABURAN, NASIONAL, BH -15	
10.	BANCİAN BERSKALA BESAR, LOKAL, HM -5	
11.	OVER 92,000 RESIDENCES INVOLVED IN AGRICULTURE, NST -7	
12.	TERENGGANU COMPLETES 60% OF AGRI CENSUS, NATIONAL, THE SUN -4	
13.	PICK, OPEN AND TASTE YOUR DURIAN!, NATION, THE STAR -14	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Pesawah cadang naikkan insentif bajak, tuai

PETALING JAYA: Golongan pesawah mencadangkan kerajaan menyediakan insentif sebanyak RM500 untuk pembajakan dan RM300 untuk penuaian bagi mengimbangi peningkatan kos pengeluaran berikutan kenaikan harga diesel.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, ura-ura pengusaha perkhidmatan jentera tuai (jentuai) mahu menaikkan sewa peralatan itu menimbulkan keresahan dalam kalangan para petani berikutan kadar yang bakal dikenakan dianggap tidak masuk akal.

"Terdapat sebahagian pengusaha jentuai di Kedah dan Perlis mahu menaikkan harga perkhidmatan jentuai kepada RM200 per relung atau RM700 per hektar berbanding RM130 per relung atau RM455 per hektar sebelum ini.

"Para petani tidak bersetuju dengan harga baharu ini kerana ia tidak munasabah dan tidak selari dengan kenaikan harga diesel. Harga yang lebih munasabah adalah sekitar RM140 hingga RM160 per relung atau RM490 hingga RM560 per hektar.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) masih belum mengeluarkan apa-apa prosedur untuk insentif pembajakan dan insentif penuaian walaupun pesawah akan mula menuai padi dalam masa terdekat," katanya dalam kenyataan, semalam.

Abdul Rashid berkata, kebimbangan itu diadukan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), namun jawapan diterima daripada pihak terbabit mendukacitakan kerana mereka juga tidak ada sebarang maklumat tentang bagaimana dan bila insentif baharu akan disalurkan.

"Hal ini cukup membebankan pesawah yang mana harga padi terjamin tidak pula dinaikkan berikutan kenaikan kos bersawah. Ini secara langsung menjejaskan keterjaminan makanan negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Mahkamah Kajang keluar waran ke atas OKS dera anjing Husky



Bangunan Kompleks Mahkamah Kajang, Selangor. Foto AMIRUL SHAUFIQ, 15 JULAI 2022.

KUALA LUMPUR – Mahkamah Sesyen Kajang telah mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) dalam kes dera anjing Husky yang dilaporkan berlaku di Kondominium

Landmark Residence 1, Kajang.

Waran itu dikeluarkan selepas OKS gagal hadir ke mahkamah bagi mendengar pertuduhan terhadap kes berkenaan dan hanya diwakili oleh peguamnya, kata Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Mahkamah kemudian menetapkan tarikh sebutan baharu pada jam 9 pagi, 30 Ogos 2024.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar menasihatkan orang ramai untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

Kes dera anjing Husky: Mahkamah keluar waran tangkap



PUTRAJAYA: Mahkamah Sesyen Kajang hari ini mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) dalam kes dera anjing baka Husky di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang baru-baru ini.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), waran tangkap tersebut

dikeluarkan susulan OKS itu gagal hadir ke mahkamah bagi sebutan kes hari ini dan hanya diwakilkan oleh peguamnya.

Sebutan baharu bagi kes berkenaan ditetapkan pada 9 pagi, 30 Ogos ini.

“Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah,” menurut DVS dalam kenyataan hari ini.

Sebelum ini, tular satu video yang memaparkan seorang lelaki dipercayai mendera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang.

Susulan itu, DVS telah melakukan siasatan di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772), dan sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2024	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Kes dera anjing: Mahkamah keluar waran tangkap, OKS tak hadir

Mahkamah Sesyen Kajang hari ini mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) dalam kes dera anjing baka Husky di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang baru-baru ini.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), waran tangkap tersebut dikeluarkan susulan OKS itu gagal hadir ke mahkamah bagi sebutan kes hari ini dan hanya diwakili oleh peguamnya.

Sebutan baru bagi kes berkenaan ditetapkan pada 9 pagi, 30 Ogos ini.

"Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah," menurut DVS dalam kenyataan hari ini.

Sebelum ini, tular satu video yang memaparkan seorang lelaki dipercayai mendera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang.

Susulan itu, DVS telah melakukan siasatan di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772), dan sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

- *Bernama*



AM > BERITA

OKS Dera Anjing Husky Gagal Hadir, Mahkamah Keluar Waran Tangkap

🕒 19/08/2024 06:36 PM



Kredit: Facebook Jabatan Perkhidmatan Veterinar

PUTRAJAYA, 19 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Sesyen Kajang hari ini mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) dalam kes dera anjing baka Husky di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang baru-baru ini.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), waran tangkap tersebut dikeluarkan susulan OKS itu gagal hadir ke mahkamah bagi sebutan kes hari ini dan hanya diwakilkan oleh peguamnya.

Sebutan baharu bagi kes berkenaan ditetapkan pada 9 pagi, 30 Ogos ini.

"Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah," menurut DVS dalam kenyataan hari ini.


Sebelum ini, tular satu video yang memaparkan seorang lelaki dipercayai mendera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang.

Susulan itu, DVS telah melakukan siasatan di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772), dan sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh didenda tidak kurana

dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.



-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),
[@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

[dvs](#) [dera](#) [anjing](#) [husky](#) [waran tangkap](#)

BERITA BERKAITAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36

Tiada lambakan buah-buahan tempatan di Kelantan - FAMA

KOTA BHARU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan mengesahkan tiada berlaku lambakan buah-buahan tempatan di negeri ini.

Pengarahnya, Wan Faizatul Aniza Ismayatim berkata, hal ini kerana pengeluaran buah-buahan berlaku secara berperingkat atau bermusim.

“Kita (FAMA) memberi jaminan kepada pengusaha atau pengeluar buah-buahan mereka masih mampu menjual hasil tanaman pada harga yang munasabah.

“Setakat ini, tiada lambakan buah-buahan tempatan berlaku seperti tahun sebelumnya,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini kelmarin.

Mengulas lanjut, Wan Faizatul Aniza memberitahu, petani di negeri ini sudah bijak dalam mengeluarkan hasil tanaman dengan mengikut musim dan keperluan pada setiap tahun.

Ujarnya, pengeluaran buah-buahan utama di Kelantan se-



WAN FAIZATUL ANIZA ISMAYATIM

banyak 2,307 metrik tan bermula Januari hingga hari ini.

“Sepanjang tahun lalu, pengeluaran buah-buahan seperti durian kampung, rambutan dan manggis sebanyak 9,119.35 metrik tan,” katanya.



SEWA perkhidmatan jentuai atau mesin padi dijangka meningkat kepada RM200 serelung atau RM700 sehektar di negeri ini susulan kenaikan harga diesel. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Tiada pilihan naikan upah mengerat padi

Oleh MUHAMMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamula.com.my

YANI: Jangkaan kenaikan sewa jentuai padi sehingga RM200 bagi setiap relung sawah di negeri ini atau RM700 per hektar pada musim penanaman 1/2024 tidak lama lagi tidak dapat dielak bagi mengimbangi kos penggunaan diesel.

Pengusahha, Rosli Hasan, 50, dari Kampung Banggol Besi, Pendang berkata, mereka tiada pilihan lain sekiranya mengekalkan harga lama antara RM130 ke RM150 serelung atau RM450 per hektar.

"Kami terpaksa naik kepada RM200 serelung yang sebenarnya kami sendiri pun malu bila terpaksa tingkatakan harga begini, namun jika tidak berbuat demikian kami pula terpaksa tanggung modal tinggi untuk alat gantian mesin padi.

"Itu belum masuk kos pemandu jentuai, dan kalau kerajaan bagi bantuan diesel sekali pun kami tak boleh jamin harga turun sebab alat ganti sudah tiga kali naik selama ini walaupun kami

tidak naikan harga mesin padi kepada pesawah," katanya ketika ditemui pada sesi dialog isu kos diesel antara pesawah dan pengusaha jentera di sini, semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan kebimbangan para pesawah di negeri ini dan Perlis terhadap ura-ura kenaikan sewa perkhidmatan mesin padi kepada RM200 serelung atau 0.30 hektar.

Rosli berkata, dia memahami tekanan yang terpaksa dihadapi pesawah ekoran kenaikan kos kerana dia juga ada mengusahakan sawah padi sendiri di samping menyediakan perkhidmatan jentuai.

Seorang lagi pengusaha jentuai, Mohd. Faizal Hazair, 50, berkata, keputusan menaikkan sewa sehingga RM200 serelung itu juga adalah paling minimum mereka boleh tawarkan kepada pesawah.

"Mahu tidak mahu memang kena naik yang bukan bertujuan nak catat untung berlipat ganda tapi sekadar melepasi modal yang kita tanggung sebelum sehingga selesai proses menuai padi.

"Jumlah RM200 itu sudah mengambil kira tekanan yang ter-

paksa ditanggung pesawah dan tekanan yang kami hadapi sendiri sebagai pengusaha, malah saya juga ada sawah seluas kira-kira 30 hektar dan tahu apa yang berlaku.

"Dengan peningkatan kos ini diharap kerajaan pertimbang untuk bantu pesawah dengan menaikkan harga padi pula yang sekarang dikatakan terlalu rendah," katanya.

Pengerusi Perubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, bantuan insentif pembajakan dan insentif penuaian sebanyak RM210 per hektar per musim perlu dinilai semula.

"RM210 per hektar terlalu sedikit sebab juaat perbezaannya tinggi. Mesin padi sahaja RM200 per relung atau RM700 sehektar sedangkan insentif kerajaan hanya RM50 sehektar.

"Terlalu banyak beza RM50 dengan RM700 itu yang sudah pasti membebankan petani, maka kerajaan kena lihat semula insentif itu dengan mengadakan perbincangan melalui Kabinet atau Kementerian Kewangan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 di Terengganu hampir selesai

Inisiatif dilaksanakan penting dalam usaha menilai prestasi industri pertanian negeri

Oleh Nurul Fatimah Sulaini
bhnews@bh.com.my

Besut: Terengganu menjadi negeri kedua hampir selesai dibanci menerusi Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) iaitu sebanyak 60.4 peratus selepas Pulau Pinang yang mencatatkan peratusan bancian 65.3 peratus bermula 7 Julai lalu.

Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peratusan itu hasil bancian terhadap 55,815 daripada 92,000 tempat kediaman (TK) yang terbabit dengan aktiviti pertanian, manakala 75.6 peratus atau 363 pertubuhan perniagaan daripada 480 yang terlibat dalam kegiatan sama juga selesai dilawati pembanci.

Beliau berkata, Banci Pertanian 2024 sedang dilaksanakan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bermula 7 Julai lalu dan kini memasuki hari ke-43.

Katanya, bancian berskala besar ini meliputi bancian ke atas isi rumah dan pertubuhan perniagaan yang terbabit dalam aktiviti pertanian iaitu tanaman makanan dan komoditi, terna-



Mohd Uzir melihat hasil tanaman ketika melawat tanaman melon manis di Ayana Agrotech Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kampung Tok Dor, Besut, baru-baru ini. (Foto BERNAMA)

kan, perikanan dan akuakultur serta pembalakan dan perhutanan.

"Di Terengganu, sebanyak 55,815 kediaman (60.4 peratus) dan 363 pertubuhan perniagaan (75.6 peratus) serta tempat kediaman pertanian pula adalah 19.8 peratus yang terbabit dengan aktiviti pertanian selesai dilawati sehingga 17 Ogos 2024.

"Hasil bancian menunjukkan subsektor tanaman adalah penyumbang tertinggi kepada sektor pertanian iaitu 69.0 peratus, diikuti oleh subsektor ternakan (24.2 peratus), subsektor perikanan (6.5 peratus) dan subsektor perhutanan dan pembalakan

(0.2 peratus).

"Daerah Hulu Terengganu merekodkan peratus tempat kediaman selesai dilawati tertinggi iaitu 75.1 peratus, diikuti oleh Kemaman (72.0 peratus), Dungun (69.5 peratus), Kuala Terengganu (63.2 peratus), Besut (60.9 peratus), Setiu (53.3 peratus), Kuala Nerus (46.1 peratus) dan Marang (45.1 peratus)," katanya.

Beliau yang juga Ketua Perangkawan Malaysia demikian ketika melawat tanaman melon manis di Ayana Agrotech Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kampung Tok Dor, di sini.

Turut hadir, Timbalan Pesuruh-

jaya Banci Pertanian, Marlini Sahul Hamid; Pengarah Pertanian Negeri, Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Dr Anun Man.

Sumbang KDNK ketiga terbesar negeri

Mohd Uzir berkata, daerah Besut mencatatkan peratus tempat kediaman pertanian tertinggi iaitu 30.9 peratus, diikuti Hulu Terengganu (30.3 peratus), Setiu (27.7 peratus), Dungun (20.2 peratus), Kemaman (17.8 peratus), Kuala Terengganu (14.3 peratus), Marang (13.3 peratus) dan Kuala Nerus (8.9 peratus).

"Bagi Negeri Terengganu, sektor pertanian penyumbang ketiga terbesar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri iaitu sebanyak 7.5 peratus (RM2.9 bilion) pada tahun 2023.

"Subsektor tanaman adalah penyumbang terbesar dalam sektor pertanian di Terengganu iaitu 58.6 peratus, diikuti subsektor perikanan (15.6 peratus), subsektor ternakan (14.5 peratus) serta subsektor perhutanan dan pembalakan (11.4 peratus).

Katanya, menyedari kepentingan sektor ini, Banci Pertanian 2024 adalah satu usaha penting dalam menilai prestasi industri pertanian di Terengganu.



Perolehan data, maklumat Bancian Pertanian 2024 akan membuka pelbagai peluang pelaburan khususnya sektor pertanian negara.

Perolehan hasil bancian tingkat peluang pelaburan

Jertih: Perolehan hasil maklumat daripada bancian Pertanian 2024 akan membuka lebih banyak peluang pelaburan dalam sektor pertanian kepada orang ramai.

Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata Banci Pertanian 2024 sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bermula pada 7 Julai 2024 kini memasuki hari ke-43.

Beliau berkata, mereka yang berminat untuk mendalami bidang pertanian akan mengguna pakai maklumat bancian yang

diperoleh bagi mengkaji potensi sesuatu produk pertanian.

"Setakat ini, pencapaian keseluruhan hasil bancian seluruh negara sudah mencapai 44.3 peratus dengan Pulau Pinang menjadi negeri pertama tertinggi 65.3 peratus diikuti Terengganu 60.4 peratus," katanya.

Tingkat hasil pertanian

Beliau demikian ketika melawat tanaman melon manis di Ayana Agrotech Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kampung Tok Dor di sini.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Banci Pertanian, Marlini Sahul Hamid; Pengarah Jabatan Pertanian Terengganu, Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh serta Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Anun Man.

Katanya, pelbagai maklumat data banci antaranya perbandingan sistem jaringan import eksport serta pelbagai perbezaan harga dari segi kestabilan harga, harga pemborong dan harga jualan membantu dalam proses merancang untuk meningkatkan pendapatan sektor pertanian negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2024	HARIAN METRO	LOKAL	5

Oleh Nurul Fatimah Sulaini
am@hmetro.com.my

Besut

Lebih 92,000 kediaman dan 480 pertubuhan perniagaan yang melaksanakan aktiviti pertanian terbabit dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 di seluruh negeri Terengganu.

Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024 Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, Banci Pertanian 2024 sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bermula pada 7 Julai lalu kini memasuki hari ke-43.

Katanya, bancian berskala besar ini meliputi bancian ke atas isi rumah dan pertubuhan perniagaan yang terbabit dalam aktiviti pertanian iaitu tanaman makanan dan komoditi, ternakan, perikanan dan akuakultur serta pembalakan dan perhutanan.

Dr Mohd Uzir yang juga Ketua Perangkawan Malaysia berkata, sebanyak 55,815 tempat kediaman (60.4 peratus) dan 363 pertubuhan perniagaan (75.6 peratus) serta tempat kediaman pertanian pula adalah 19.8 peratus yang terbabit dengan aktiviti pertanian selesai dilawati sehingga 17 Ogos 2024.

"Hasil bancian menunjukkan subsektor tanaman adalah penyumbang tertinggi kepada sektor pertanian iaitu 69.0 peratus, diikuti oleh subsektor ternakan (24.2%), subsektor perikanan (6.5%) dan subsektor perhutanan dan pembalakan (0.2%)."

"Daerah Hulu Terengganu merekodkan peratus tempat kediaman selesai dilawati tertinggi iaitu 75.1 peratus, diikuti oleh Kemaman (72.0%), Dungun (69.5%), Kuala Terengganu (63.2%), Besut (60.9%), Setiu (53.3%), Kuala Nerus (46.1%) dan Marang (45.1%)." katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat tanaman melon manis di Ayana Agrotech Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kampung Tok Dor, Besut.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Banci Pertanian Marlini Sahul Hamid, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Terengganu Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh serta Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Dr Anun Man.

Katanya, daerah Besut mencatatkan peratus tempat kediaman pertanian tertinggi iaitu 30.9 peratus, diikuti oleh Hulu Tereng-



DR Mohd Uzir (tengah) melawat tanaman Melon Manis Terengganu di Ayana Agrotech TKPM Kampung Tok Dor, Besut. - Gambar NSTP/NURUL FATIMAH SULAINI

Bancian berskala besar

Lebih 92,000 kediaman dan 480 pertubuhan perniagaan laksana aktiviti pertanian Terengganu terbabit dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024

ganu (30.3%), Setiu (27.7%), Dungun (20.2%), Kemaman (17.8%), Kuala Terengganu (14.3%), Marang (13.3%) dan Kuala Nerus (8.9%).

"Bagi Negeri Terengganu, sektor Pertanian penyumbang ketiga terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri iaitu sebanyak 7.5 peratus (RM2.9 billion) pada tahun 2023.

"Subsektor tanaman adalah penyumbang terbesar dalam sektor pertanian di Terengganu iaitu 58.6 peratus diikuti oleh subsektor perikanan (15.6%), subsektor ternakan (14.5%) dan subsektor perhutanan dan pembalakan (11.4%)."

Katanya, menyedari kepentingan sektor ini, Banci Pertanian 2024 adalah satu usaha penting dalam me-

nilai prestasi industri pertanian di negeri Terengganu.

Sementara itu Lawatan kerja Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024 di lapangan bagi Negeri Terengganu bermula 17 sehingga 19 Ogos 2024.

Pelbagai subsektor di setiap daerah dilawati iaitu subsektor akuakultur di Kampung Chabang, Kerteh, Kemaman, penternakan lembu sado dan kambing tenusu di Kampung Kuala Besut, tanaman melon manis di Kampung Tok Dor, Besut.

Melon Manis Terengganu atau MMT adalah me-

rupakan varieti pertama bagi keluarga rock melon yang diumumkan sebagai Buah Rasmi Negeri Terengganu.

Berdasarkan data Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, hasil pengeluaran MMT di Terengganu merekodkan RM3.14 juta dengan 35 pengusahanya pada tahun 2023.

Bilangan pengusahanya MMT tertinggi adalah penduduk daerah Besut iaitu 11 orang.

Lawatan turut diadakan di tanaman Mangga King di Pusat Pertanian Rhu Tapai, Setiu, ternakan burung walis di Walit Timur Enter-

prise, Kuala Nerus, tanaman pokok di Pulau Herba, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu, projek padang ragut di Kampung Binjai Kertas, Hulu Terengganu, tanaman kelapa di Kampung Batu Putih, Marang dan tanaman terung di Kampung Batu 7, Dungun.

DOSM berharap pelaksanaan Banci Pertanian 2024 di Terengganu terus mendapat komitmen dan kerjasama daripada penduduk dan pengusaha perniagaan yang terlibat dengan aktiviti pertanian sepanjang tempoh ia dijalankan dari 7 Julai hingga 10 Oktober 2024.

Orang awam tidak perlu bimbang untuk berkongsi maklumat kerana kerahsiaan tersebut dijamin sebagaimana yang termaktub di bawah Akta Perangkaan

1965 (Disemak 1989).

Pengumpulan data yang sah ini penting untuk menghasilkan data pertanian yang komprehensif dan menjadi penanda aras baharu bagi mewujudkan pangkalan data pertanian negara.

DOSM melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.

“Subsektor tanaman adalah penyumbang terbesar dalam sektor pertanian di Terengganu”
Dr Mohd Uzir

AGRICULTURE CENSUS 2024

Over 92,000 residences involved in agriculture

The crops subsector is the highest contributor to the agriculture sector in the state at 69pc

NURUL FATIHAH SULAINI
BESUT
news@nst.com.my

THE ongoing Agriculture Census 2024 by the Statistics Department in Terengganu has documented more than 92,000 residences and 480 businesses involved in agricultural activities.

Chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said the census is being carried out by the Department of Statistics Malaysia (DoSM) and is now entering its 43rd day.

He said large-scale census covers the census of households and businesses involved in agricultural activities namely food crops and commodities, livestock, fisheries and aquaculture as well as logging and forestry.

Census results show that the crops subsector is the highest contributor to the agriculture sector at 69 per cent, followed by the livestock subsector (24.2 per cent), the fisheries subsector (6.5 per cent) and the forestry and logging subsector (0.2 per cent).

The Hulu Terengganu district recorded the highest percentage of residential areas visited, at 75.1 per cent, followed by Kemaman (72 per cent), Dungun (69.5 per cent), Kuala Terengganu (63.2 per cent), Besut (60.9 per cent), Setiu (53.3 per cent), Kuala Nerus (46.1 per cent) and Marang (45.1 per cent), he said.

He said this when visiting the honeydew melon production at the Ayana Agrotech Permanent Food Production Plant in Kampung Tok Dor here, on Sunday.

Also present were deputy Agricultural Census commissioner Marlini Sahul Hamid, state agriculture department director Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh and state veterinary services department director Dr Anun Man.

He said the Besut district recorded the highest percentage of agri-



Chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin (right) checking out honeydew melon production at the Ayana Agrotech Permanent Food Production Plant in Kampung Tok Dor, Besut, on Sunday. Also present is Terengganu Agriculture Department director Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh (left).
BERNAMA FX

cultural residences at 30.9 per cent, followed by Hulu Terengganu (30.3 per cent), Setiu (27.7 per cent), Dungun (20.2 per cent), Kemaman (17.8 per cent), Kuala Terengganu (14.3 per cent), Marang (13.3 per cent) and Kuala Nerus (8.9 per cent).

"For Terengganu, the agriculture sector is the third largest contributor to its gross domestic product (GDP), which is 7.5 per cent with a value of RM 2.9 billion in 2023.

The crop subsector is the largest contributor to the agricultural sector in Terengganu at 58.6 per cent, followed by the fisheries subsector (15.6 per cent), the livestock subsector (14.5 per cent) and the forestry and logging subsector (11.4 per cent).

Uzir added that the information from the census would open up more investment opportunities in the agricultural sector to the public.

He said that those interested in studying agriculture will use the census information obtained to study the potential of an agricultural product.

"So far, the overall achievement



Chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin (second from left) and Terengganu Agriculture Department director Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh (left) sampling the honeydew melon at the Ayana Agrotech Permanent Food Production Plant in Kampung Tok Dor, Besut, on Sunday.

of the national census results has reached 44.3 per cent with Penang being the first state with the highest at 65.3 per cent followed by Terengganu at 60.4 per cent," he said.

He said various census data, including the dependence of the im-

port-export network system as well as various price differences in terms of price stability, wholesale prices and sales prices would help in the process of planning to increase the income of the country's agricultural sector.

Uzir also visited various subsectors in each district, including the aquaculture subsector in Kampung Chabang, Kerteh, Kemaman, the dairy cattle and goat farming in Kampung Kuala Besut, and the Tok Dor honeydew melon project.



The agriculture sector was the third largest contributor to Terengganu's gross domestic product last year, with a share of 7.5 per cent or RM2.9 billion.

Terengganu completes 60% of agri census

JERTIH: Terengganu has achieved a 60.4% completion rate for the Agricultural Census 2024, conducted by the Statistics Malaysia Department, trailing behind Penang, which has reached a 65.3% completion rate since the exercise began on July 7.

Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said the percentage reflects the completion of the census for 55,815 out of 92,000 residences involved in agricultural activities.

Additionally, 75.6% or 363 business establishments out of 480 involved in the same activity have also been visited by the enumerators.

"This census, which will run until Oct 10, covers households and business organisations involved in agricultural activities, such as food crops, commodities, livestock, fisheries, aquaculture, logging and forestry.

"Besut district recorded the highest proportion of residences involved in agriculture at 30.9 %, followed by Hulu Terengganu at 30.3%, Setiu at 27.7%, Dungun at 20.2%, Kemaman at 17.8%, Kuala Terengganu at 14.3%, Marang at 13.3% and Kuala Nerus at 8.9%," he said during a visit to the Agricultural Census 2024 site at the Terengganu honeydew melon project site located at the Permanent Food Production Centre in Kampung Tok Dor, here on Sunday.

Mohd Uzir said the agricultural sector was the third largest contributor to Terengganu's Gross Domestic Product last year, accounting for 7.5%, or RM2.9 billion.

"The crop subsector is the largest contributor within the agricultural sector in this state, making up 58.6%, followed by the fisheries subsector at 15.6%, the livestock subsector at 14.5%, and the forestry and logging subsector at 11.4%," he said.

"Recognising the significance of this sector, the Agricultural Census 2024 is a crucial effort to assess the performance of the agricultural industry in Terengganu," he added.

Mohd Uzir also visited various subsectors in each district, including the aquaculture subsector in Kampung Chabang, Kerteh, Kemaman, and dairy cattle and goat farming in Kampung Kuala Besut. – Bernama

Pick, open and taste your durian!

Fruit lovers head straight to the orchard for an immersive experience

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

PETALING JAYA: The all too familiar sight of foreign tourists crowding around durian stalls is making way for a new trend.

While savouring the "King of Fruits" has always been a must-do for tourists, the allure of immersive, experience-based durian orchard tours is now on the rise.

Today's travellers are not just content with tasting the rich and creamy flesh of the durian; they're seeking a deeper connection.

This quest for authenticity is driving them straight to the source – durian orchards, where they witness firsthand the cultivation process, talk to local growers, and learn about the cultural significance of the beloved fruit.

West Pahang Eco-Tourism and Leisure Farm Association president Datuk Allan Phoon has seen a steady flow of visitors to his farm, with an average of 1,000 guests per month since the durian season kicked off in Bentong and Raub in Pahang.

A significant portion of these visitors come from China and Singapore, with some arriving through travel agencies while



Up close and personal: Durian Mama in Raub, Pahang, holds activities for visitors who want to experience life at a durian orchard.

tation since the end of July.

"Most of them are from Singapore and China, as well as local tourists," said Wan Ting, whose 300-acre (121ha) orchard is in Raub.

Some 60% of her visitors are Singaporeans, 15% are from China, and 10% are Indonesians. Malaysians make up 15% of all visitors.

"This is the first time we at Durian Mama have opened our orchards for visits," she said.

"We offer a durian buffet, but we're also looking to innovate. We don't just let visitors enjoy the durian; we start by educating them on durian's growth process and show them how the fruits fall from the tree into nets.

"We then invite our guests to collect the durians, open them, and taste the freshness. We were pleasantly surprised to see many parents bringing their children to the durian orchards to learn about durian cultivation," she said.

Tourism Malaysia director-general Manoharan Periasamy recently announced the Durian Tourism Agrotourism Packages 2024-2025, which will cover 12 states and Kuala Lumpur, showcasing unique and niche products across Malaysia.

July through mid-September.

Malaysian Inbound Tourism Association (Mita) president Mint Leong stated that these durian orchard tours are one of the most popular tourism products.

Leong proposed that state governments set up durian experience centres to produce downstream products, such as coffee and candy.

Durian Mama chief executive officer Wan Ting has seen over 500 tourists flocking to her plan-

Bentong have transformed after the pandemic to cater to the increasing popularity of these visits, he said.

"Bentong is well-known for the Musang King variety, and this boosts the local tourism industry and enriches the cultural exchange between locals and visitors," said Phoon, who owns The Bentong Farm Malaysia.

The durian season starts in Penang from May to July, while Raub and Johor begin at the end of

others are on self-guided trips. The visa waiver for Chinese tourists has had a positive impact on the region's durian industry and its overall tourism sector, he added.

"Visitors prefer to eat fresh durian straight from the orchard, and they can taste many varieties. These tours are an engaging way to appreciate the complexities and traditions of durian farming," he said when contacted.

Many durian orchards in